



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
JUMAAT 8 MEI 2026**

BIL.	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	INSENTIF PEMBAJAKAN MULA DISALUR BERPERINGKAT 19 MEI, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)
2.	INSENTIF PEMBAJAKAN RINGAN BEBAN PESAWAH, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN KEMUBU (KADA)
3.	KOS PENANAMAN PADI MELAMBUNG KEPADA RM7,000 PER HEKTAR, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 16	LAIN – LAIN
4.	BANTUAN KHAS RM200 TAK CUKUP TAMPUNG KOS BAJAK, NASIONAL, BERITA HARIAN, M/S – 16	
5.	LEGA WANG PENDAHULUAN RM200 SEHEKTAR, LOKAL, HARIAN METRO, M/S – 20	
6.	FARMERS SEEK GOVT'S HELP TO KEEP FOOD PRICERS DOWN, NATION, THE STAR, M/S – 5	
7.	BERMULA SEPASANG KERBAU, KINI MEMBIAK LEBIH 200 EKOR, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, M/S – 29	
8.	GARDEN ROOTS DEEPEN IN USH14, EVENTS, THE STAR, M/S – 8	
9.	NUR ADILA TIDAK KEKOK URUS PERNIAGAAN JERAMI GULUNG, K-WANITA, KOSMO, M/S – 22	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN KPKM, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

## Insentif pembajakan mula disalurkan berperingkat 19 Mei

**Putrajaya:** Bayaran pendahuluan Insentif Pembajakan Kepada Pesawah (IPKP) sebanyak RM200 sehektar kepada pesawah di Semenanjung dijadualkan mula disalurkan secara berperingkat mulai 19 Mei, tertakluk kepada jadual serta pengesahan agensi berkaitan.

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) dalam kenyataannya, memaklumkan pelaksanaan bantuan itu membabitkan pesawah yang berdaftar di bawah Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan (SBPKP) bagi musim semasa (keutamaan bagi musim 1/2026).

"Melalui pelaksanaan ini, pe-

sawah akan menerima bayaran pendahuluan RM200 sehektar secara sekali beri sebelum atau semasa kerja membajak dimulakan.

"Baki RM100 sehektar pula akan disalurkan selepas kerja pembajakan selesai dan disahkan oleh agensi berkaitan," menurut kenyataan itu.

KPKM memaklumkan bagi memastikan proses pembayaran lebih cepat dan mudah, penyaluran bantuan akan dibuat terus ke akaun bank pesawah yang berdaftar, selain kemudahan pembayaran tunai melalui pejabat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) bagi kes-kes tertentu.

BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

## Insentif pembajakan ringan beban pesawah

**Kota Bharu:** Bayaran pendahuluan insentif pembajakan RM200 bagi setiap hektar sawah yang diluluskan kerajaan mampu membantu petani mengurangkan beban kos penanaman padi susulan peningkatan harga bahan api dan input pertanian ketika ini.

Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA) Mohd Faizul Mustafa berkata, inisiatif segera yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin, memberi nafas baharu kepada pesawah khususnya dalam persediaan menghadapi musim penanaman yang akan datang.

Beliau berkata peningkatan kadar upah, baja, benih serta diesel memberi tekanan kepada pesawah dan bayaran pendahuluan insentif dapat bantu menampung kos awal bagi memastikan aktiviti penanaman padi terus berjalan lancar.

“Bantuan ini penting, ia memastikan kelangsungan aktiviti penanaman padi dan jaminan bekalan makanan negara,” menurutnya kelmarin.

Mohd Faizul berkata, KADA sudah mengambil langkah awal dengan menyediakan bantuan diesel kepada pesawah yang layak mengikut kadar ditetapkan bagi kegunaan pam air untuk memastikan bekalan air ke kawasan sawah diteruskan.

Anwar sebelum ini mengumumkan kerajaan bersetuju menyalur bayaran pendahuluan yang juga sebahagian daripada kadar Bantuan Khas Insentif Pembajakan kepada 240,000 pesawah berdaftar di seluruh negara bagi mengurangkan beban mereka.

Inisiatif itu dipersetujui pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara, yang dipengerusi Perdana Menteri, membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM48 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

# Kos penanaman padi melambung kepada RM7,000 per hektar

**PeSAWAH**  
dakwa bantuan pembajakan RM200 per hektar tak mampu selesai isu kos operasi

Oleh Noor Sara Mohamad Hanif  
bhnews@bh.com.my

**Kangar:** Kos penanaman padi melambung sehingga mencecah antara RM6,000 ke RM7,000 per hektar berikutan krisis tenaga

dan ketiadaan subsidi diesel untuk sektor berkenaan.

Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (PeSAWAH), Abdul Rashid Yob, berkata Bantuan Khas Insentif Pembajakan sebanyak RM200 per hektar tidak mampu menyelesaikan isu struktur kos operasi pertanian yang semakin meruncing.

Beliau berkata, bantuan berjumlah RM48 juta itu umpama memberi ubat penahan sakit tanpa memberikan antibiotik sebenar kepada petani untuk menyembuhkan penyakit.

"Kos menghasilkan satu kilogram padi kini ialah RM1.50, bermaksud kos untuk satu tan RM1,500. Angka ini menyamai harga lantai padi yang ditetapkan kerajaan. Pesawah kini hanya ber-

gantung kepada subsidi harga padi RM500 per tan sebagai keuntungan.

"Pesawah terpaksa membeli diesel pada harga semasa RM5.17 seliter kerana sektor penanaman padi tidak disenaraikan di bawah Sistem Kawalan Diesel Bersubsidi (SKDS), sedangkan 80 peratus jentera seperti traktor, mesin padi dan pam air menggunakan bahan api itu," katanya.

## Kos sewa traktor meningkat

Abdul Rashid berkata, ketiadaan subsidi diesel menyebabkan kos sewaan traktor meningkat sebanyak 66 peratus (daripada RM120 ke RM200), manakala sewaan mesin padi meningkat 38 peratus (daripada RM180 ke RM250), menjadikan purata kenaikan kos jentera bersaiz besar melebihi 52 peratus.

Beliau berkata, PeSAWAH berharap kerajaan mempertimbang pemberian kad fleet secara bermusim kepada pesawah, iaitu selama tiga bulan untuk musim pembajakan dan tiga bulan bagi penuaian.

Katanya, alasan ketirisan tidak harus digunakan ke atas pesawah kerana tiada rekod penyelewengan dan penyeludupan bahan api memabatkan sektor penanaman padi di sempadan negara, setakat ini.

"Sekiranya kerajaan tidak mampu menyediakan kad fleet, harga lantai padi perlu naik ke paras lebih bermartuah, iaitu RM3,000 per tan bagi menampung peningkatan kos.

"Kerajaan boleh tarik subsidi input yang diberikan kepada pesawah ketika ini dan salurkan terus kepada pengguna atau rakyat

kumpulan sasar melalui bantuan seperti Sumbangan Tunai Rahmah (STR)," katanya.

Beliau berkata, pada masa sama pesawah tidak seharusnya dibebankan untuk menanggung kos bagi mengekalkan harga beras murah di pasaran.

"Jika masalah kos ini tidak diselesaikan, kita bimbang semakin ramai pesawah akan 'gantung cangkul'. Malah, sudah ada pesawah di Perak yang menanggihkan penanaman musim ini kerana takut berdepan kerugian.

"Sekiranya 30 peratus pesawah berhenti menanam, Tahap Sara Diri beras negara yang kini berada di sekitar 50 peratus akan terus merudum, sekali gus mendedahkan negara kepada krisis jaminan makanan yang kritikal," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2026	BERITA HARIAN	NASIONAL	16

## Bantuan khas RM200 tak cukup tampung kos bajak

**Arau:** Pemberian wang pendahuluan RM200 sehektar di bawah Bantuan Khas Insentif Pembajakan sedikit sebanyak memberi kelegaan kepada pesawah negeri ini.

Namun, jumlah itu dianggap masih belum mencukupi menampung kos operasi pembajakan yang semakin meningkat susulan kenaikan diesel.

Pesawah, Zamzuri Ishak, 42, berkata berdasarkan pengiraan dibuatnya baru-baru ini, kos mengusahakan sehektar sawah pada musim ini dijangka mencecah sehingga RM4,600 per hektar.

“Kos penggunaan traktor dan mesin padi sahaja sudah mencecah RM2,345 belum lagi

masuk kos lain.

“Seperti yang dicadangkan sekiranya subsidi diesel dapat diberikan kepada pengusaha jentera, mungkin kos operasi dapat dikekalkan seperti sebelum ini.

“Selain itu, harga padi juga wajar dinaikkan daripada RM1,500 kepada sekurang-kurangnya RM2,000 per tan atau lebih tinggi,” katanya.

Kelmarin, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim mengumumkan Bantuan Khas Insentif Pembajakan yang diper-setujui pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM48 juta.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/5/2026	HARIAN METRO	LOKAL	20

## Lega wang pendahuluan RM200 sehektar

**Arau:** Pemberian wang pendahuluan RM200 sehektar di bawah Bantuan Khas Insentif Pembajakan sedikit sebanyak memberi kelegaan kepada pesawah di negeri ini.

Namun, jumlah itu dianggap belum mencukupi menampung kos operasi pembajakan yang semakin meningkat susulan kenaikan diesel.

Pesawah, Zamzuri Ishak, 42, berkata, berdasarkan pengiraan dibuatnya baru-baru ini, kos mengusahakan sehektar sawah pada musim ini dijangka mencecah sehingga RM4,600 per hektar.

"Kos penggunaan traktor dan mesin padi sahaja sudah mencecah RM2,345 belum lagi masuk kos lain.

"Seperti yang dicadangkan sekiranya subsidi diesel dapat diberikan kepada pengusaha jentera, mungkin kos operasi dapat dikekalkan seperti sebelum ini.

"Selain itu, harga padi juga wajar dinaikkan daripada RM1,500 kepada sekurang-kurangnya RM2,000 per tan atau lebih tinggi," katanya.

Perdana Menteri, Datuk



PESAWAH melihat kawasan sawah yang perlu diusahakan.

Seri Anwar Ibrahim sebelum ini mengumumkan Bantuan Khas Insentif Pembajakan dipersetujui pada mesyuarat Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM48 juta.

Insentif itu bagi meringankan beban pesawah di

seluruh negara susulan kenaikan harga diesel selain membantu mempercepatkan musim tanaman padi.

Bagi pesawah, Sukardi Mat Dali, 60, berkata, meskipun bantuan berkenaan dilihat tidak mampu menampung keperluan sepenuhnya, namun pesawah tetap bersyukur.

"Jika diikutkan memang tidak cukup, cuma kami tertanya bila wang bantuan itu akan disalurkan kepada pesawah.

"Kami bimbang jika lewat disalurkan maka kerja membajak akan menjadi lambat, sekali gus kerja menanam padi juga terlewat," katanya.

# Farmers seek govt's help to keep food prices down

BY BENJAMIN LEE  
benlkh@thestar.com.my

**PETALING JAYA:** Farmers and agriculture industry players are calling for government support to help keep food prices under control as rising operational costs continue to burden the sector.

Cameron Highlands Vegetable Farmers Organisation president Datuk Chai Kok Lim said immediate government intervention is needed to help farmers cope with soaring expenses.

"For us farmers, it is almost impossible to reduce production costs ourselves as wages, transportation, packaging and fertilisers have all become more expensive.

"Even if we tried to keep prices low, these rising costs are simply getting too heavy for us to bear alone," he said in an interview.

Chai said the government could look at reducing land taxes for farmers as a short term temporary solution.

"Land taxes in Cameron Highlands are particularly very expensive, so the government should consider lowering them at least in the short term until this global supply crisis is resolved," he added.

On May 3, Agriculture and Food Security Minister Datuk Seri Mohamad Sabu said Malaysians may have to pay more for food in the coming months due to increasing production costs.

"For example, animal feed costs account for up to 70% of chicken production, while fertiliser can make up 40% to 50% of the cost of vegetables.

"When these costs increase, market prices may also be affected," Mohamad said.

Natural Farming Association Malaysia secretary Tan Hong Boon said providing subsidies for diesel and transportation costs could provide immediate relief to farmers and keep food costs down.

"More diesel subsidies for farmers and their logistics networks would be the best at tackling the root of the growing production costs," he said.

He also suggested for farmers themselves to adopt natural farming methods and systems that could help lower long-term production costs.

"Methods like 'WaterSave planting system' can reduce the cost of pumping water for watering plants by trapping rainwater underground to create a hidden water reservoir for crops.

"Farmers just need to line a dug planting area with a waterproof

membrane, add a layer of sand to the membrane, then add soil on top so rainwater is stored as a reservoir membrane and sand layer.

"The government should also push for adoption of other innovative farming technologies that are still only adopted on the small scale that saves energy, fertiliser or logistics inputs," he said.

Durian Manufacturers Association president Eric Chan Yee Hong said the authorities should closely monitor any unjustified price hikes by certain sectors taking advantage of the current situation.

"Some are using this crisis as an excuse although they are already receiving government subsidies, so stopping these people are key to keeping prices down.

"Durian farming in particular is

challenging now not only because of this crisis but also due to rising competition from neighbouring countries," he said.

Mohd Izzuddin Che Arifin of Trinarid Timur Sdn Bhd, which is involved in poultry and animal feed farming, said efforts to strengthen Malaysia's domestic food production capabilities need to be expedited.

"Some initiatives implementation has been very slow like the utilisation of palm kernel cake, a by-product of our vast palm plantations, which can be processed and utilised as an ingredient in animal feed production.

"If properly developed, this could help reduce dependency on imported feed raw materials such as corn and soybean meal which would significantly help reduce long-term operational costs for farmers," he said.

## Bermula sepasang kerbau, kini membiak lebih 200 ekor

**JERANTUT:** Bermula dengan hanya sepasang kerbau sedekad lalu, seorang penternak dari Kampung Bukit Mat Daling, Ulu Tembeling dekat sini, kini memiliki kira-kira 200 ekor sebagai sumber pendapatan keluarganya.

Wan Rokman Wan Ngah, 59, berkata, 10 tahun lalu, dia melihat sepasang kerbau untuk mengisi masa lapang selepas menoreh getah sambil berharap ternakan itu dapat membiak.

"Lama-kelamaan ia bertukar menjadi seronok dan saya mula serius menceburi bidang ternakan selepas melihat ia membiak, selain wujudnya permintaan pasaran luar," katanya.

Menurut Wan Rokman, selepas kerbau betina pertamanya bunting, dia membeli beberapa ekor lagi untuk diternak sehingga bertambah kepada 12 ekor pada tahun berikutnya.

"Alhamdulillah, rezeki tidak salah alamat dan sekarang ternakan ini membiak lebih 200 ekor. Ada yang sudah dijual kepada peraih dan penduduk yang melakukan ibadat korban sebelum ini," katanya.

Wan Rokman berkata, pada sebelah pagi, ternakannya dilepaskan di kawasan lapang untuk meragut rumput berdekatan Sungai Tembeling dan pinggir hutan sekitar Kampung Tanah Pindah, Kampung Machang Perah serta Kampung Semena.

Katanya, ia dikumpulkan semula di kandang menjelang petang bagi mengelakannya berkejaran di hutan, dibimbangi serangan harimau kumbang.

"Saya cuma mengetuk tin berisi air garam untuk memanggil ternakan ini pulang dan berkumpul memasuki kandang," katanya.



**WAN Rokman Wan Ngah** memberikan makanan sambil memantau sebahagian kerbaunya di Kampung Bukit Mat Daling, Jerantut, Pahang.



Ng (seated, left), Wong (seated at table, third from left) and Chia (seated, right) with volunteers during the community garden's anniversary celebration.



The verdant USJ14 Community Garden has grown from an idle plot into an award-winning community hub that provides produce and education opportunities.

# Garden roots deepen in USJ14

By VIJENTHI NAIR  
vijenthi@thestar.com.my  
Photos: ART CHEN/The Star

Award-winning green hub in Subang Jaya marks eighth year with agrotourism plans, expanded community initiatives

AN AWARD-winning community garden in Subang Jaya, Selangor, celebrated its eighth anniversary with food made using fresh produce harvested on-site.

USJ14 Community Garden (KKUSJ14) volunteers marked the milestone with a gathering that brought together residents, community leaders and supporters.

The dishes prepared included vegetables such as *pucuk paku*, *pucuk keledak*, *pucuk ubi*, *ulam raja* and winged beans as well as mangoes.

The garden was set up in 2018 on a previously idle 0.1ha plot overgrown with shrubs.

It has since transformed into a vibrant green space that benefits the local community.

KKUSJ14 adviser Muhamad Adam Abdullah said the initiative began as a

collective effort by nearby strata residents to foster cooperation, and had evolved into a source of side income for the volunteers.

The garden also doubled as a venue to learn about agricultural practices and tourism activities, he said.

Muhamad Adam said Subang Jaya City Council (MBSJ) had been recognising environmentally friendly activities, green management and sustainable practices within residential areas and organisations in 2018.

"A group of about 20 residents came together to clear the land and plant vegetables for their own consumption, and it proved successful.

"Over the years, we have gained recognition through various community

garden competitions, winning prize money that was reinvested to upgrade facilities," he added.

Among KKUSJ14's notable accolades were second place in the "Lanskap Komuniti Negara Taman" category awarded by the National Landscape Department in 2019, first place in the "strata" category by MBSJ in 2023, and second place in the "Anugerah Laman Hijau Strata" category by Selangor Housing and Property Board in 2024.

"Today we have about 250 types of plants producing more than enough for volunteers to share, with surplus sold to the local community," said Muhamad Adam.

"The organically grown vegetables have been well received," he added.

About 50 people attended the celebration, including Subang MP Wong Chen, Subang Jaya assemblyman Michelle Ng and MBSJ councillor Ken Chia.

Muhamad Adam said their latest project involved chilli cultivation using a fertigation method under the Federal "Sejati Madani" grant.

"A total of 350 chilli plants were planted in June last year, yielding about 250kg of chillies by December.

"These were sold to local communities, markets and supermarkets, generating about RM5,000 in profit shared among the volunteers.

"We will be planting a second batch, including ginger, soon."

Muhamad Adam said the project had inspired a new agrotourism idea.

"Harvesting the bright red chillies has been an enjoyable experience, similar to strawberry-picking in Cameron Highlands.



Recyclable materials creatively repurposed as decorative features.

"We thought, why not open the garden to visitors and offer chilli-picking as part of an agrotourism package," he said, adding that the all-women team overseeing the project would also be earning an income from the effort.

Muhamad Adam said the garden had taken on an educational role since 2023, offering training sessions and workshops to the public.

"Many of us have attended agricultural and planting courses, and have hands-on experience tending to our garden; we are willing to share our knowledge," he said.

He added that the team has conducted training sessions for corporate organisations and students on organic farming, composting, hydroponics and food waste management.



The urban garden started off as a small neighbourhood project in 2018 by residents.

**LOT BUMIPUTERA SAHAJA**

**BUMIPUTERA DISKAUN 5%**

**UNIT TERHAD**

**RESIDENSI HANNA SUNGAI BESI**

**LOKASI STRATEGIK**  
Berdekatan dengan pelbagai kemudahan

**TELUKINGI KAMI**  
**+603 6279 6214**

Laman Web: [www.residensi-hanna.com.my](http://www.residensi-hanna.com.my)

Sebelum projek bermula, projek ini akan melalui proses perolehan lesen pembangunan dan perolehan lesen. Semua maklumat adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak pengembang. Semua maklumat adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak pengembang. Semua maklumat adalah berdasarkan maklumat yang diberikan oleh pihak pengembang.

## Usahanita

Oleh NORLIDA AKMAR IDROS

**B**ERMULA dengan membantu bapa di sawah, siapa sangka seorang wanita muda kini berjaya mengangkat perniagaan jerami padi ke tahap komersial sehingga dikenali di seluruh negara.

Nur Adila Fitriyah Khoded, 28, membuktikan bahawa latar belakang sebagai anak petani bukan penghalang untuk mencipta kejayaan dalam dunia perniagaan.

Anak jati Pida 12, Kodiang, Kedah itu berkata, perniagaan tersebut sebenarnya diasaskan oleh bapanya, Khoded Isa, 60, sejak 2009 secara kecil-kecilan.

Menurutnya, pada peringkat awal, bapanya hanya menggunakan sebuah mesin yang disewa dan menghasilkan jerami dalam kuantiti terhad untuk kegunaan penternak kambing serta lembu dalam negeri.

"Selepas habis Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada 2015, ayah minta saya uruskan perniagaan ini.

"Sebagai anak petani dan penternak, saya nampak perniagaan ini boleh dikomersialkan dan dipasarkan secara lebih luas," katanya yang merupakan guru Bahasa Mandarin di sebuah sekolah di Perlis.

Katanya, dari situ minat terhadap perniagaan mula bercambah, apatah lagi apabila melihat permintaan semakin meningkat dari semasa ke semasa.

"Bila orang telefon minta jerami kita rasa seronok. Dari situ, timbul semangat untuk kembangkan lagi perniagaan ini termasuk memasarkannya menggunakan media sosial," ujarnya.

Namun katanya, perjalanan perniagaan itu tidak mudah apabila dia terpaksa menyambung pengajian dalam bidang bahasa Mandarin di Beijing, China selama lima tahun bermula pada tahun 2016.

Walaupun berada di luar negara, namun Nur Adila tetap membantu mengurus tempahan dan membuat pemasaran secara dalam talian terutama melalui media sosial.

Katanya, penggunaan platform digital menjadi titik perubahan apabila pelanggan mula datang dari seluruh negara, bukan sahaja daripada rangkaian lama bapanya, malah pelanggan baharu.

Hari ini, perniagaan yang diusahakan itu mampu menjual sehingga ratusan gulung jerami setiap bulan. Pada peringkat awal, perusahaan itu hanya menghasilkan kurang dari 100 gulung sebulan, namun kini jumlah itu pernah mencecah sehingga 300 gulung

# Nur Adila tidak kekok urus perniagaan jerami gulung

**NUR ADILA** berjaya mengangkat perniagaan jerami padi ke tahap komersial.



**ATAS:** Sebanyak 300 gulung jerami berjaya dihasilkan pada setiap hari.

**GUDANG** jerami gulung yang diusahakan Nur Adila terletak di Jerlun, Kedah.

sehari. Paling tinggi 1,300 gulung sebulan pada musim tertentu.

"Kami beroperasi selepas padi dituai atau dikenali sebagai 'Musim Timur' dan pergi sehingga ke Perak dan Selangor untuk mendapatkan jerami," jelasnya.

Menurut Nur Adila, antara faktor kejayaan perniagaannya adalah kepercayaan pelanggan tetap, termasuk syarikat besar dan agensi kerajaan.

"Kita jaga kualiti dan amanah. Kalau jerami basah, kita sanggup ambil balik dan

gantikan yang kering serta berkualiti. Itu yang buat pelanggan yakin," katanya.

Ujar Nur Adila, pelanggannya terdiri daripada syarikat tenusu terbesar negara serta ladang-ladang fidlot seluruh Malaysia termasuk yang dimiliki kerajaan negeri.

Di sebalik kejayaan itu, dia tidak menafikan pelbagai cabaran terpaksa ditempuhi termasuk faktor cuaca yang tidak menentu.

"Kalau hujan, memang tak boleh buat. Pernah mesin sudah turun ke sawah, kos sudah keluar tetapi kerja terpaksa dihentikan," katanya.

Selain itu, kenaikan kos operasi seperti harga tali dan minyak diesel turut memberi tekanan kepada perniagaan tersebut.

Bagaimanapun, Nur Adila memilih untuk mengekalkan harga jualan jerami gulung tersebut sejak 2009.

Dalam mengembangkan perniagaan, dia berani mengambil risiko besar apabila melabur ratusan ribu ringgit untuk membeli mesin penggulung jerami sendiri tanpa bantuan mana-mana pihak.

"Lepas beli mesin, duit memang hampir 'kosong' tetapi kita kumpul semula daripada jualan sedikit demi sedikit," katanya.

Walaupun bergelar wanita, namun Nur Adila tidak kekok turun ke sawah mengurus operasi termasuk memantau kualiti jerami.

"Panas, penat semua itu biasa. Bila kita buat kerja dengan minat, kita tak rasa beban," katanya.

Tambahnya, penguasaan bahasa Mandarin ternyata menjadi satu kelebihan besar buat dirinya dalam mengharungi kehidupan seharian dan dunia pekerjaan.

"Bila saya buat kerja, kawan-kawan ayah yang berbangsa Cina semua jadi kawan saya. Dari situ, hubungan jadi lebih rapat.

"Pergi mana-mana, termasuk di kedai atau berurusan dengan pelanggan Cina, saya selesa bercakap Mandarin," katanya.

